

20 SEP 2002

BUDGET-TEROKA/I

DANA RM1 BLN UNTUK GALAKKAN USAHAWAN MODAL TEROKA CEBURI BIDANG BUKAN ICT

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan menubuhkan dana baru berjumlah RM1 bilion untuk menggalakkan usahawan modal teroka menceburi bidang bukan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dengan penubuhan dana berkenaan, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata syarikat-syarikat bukan ICT akan juga turut mendapat akses kepada modal teroka dan pinjaman mudah.

Semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini, beliau berkata modal teroka merupakan pendorong kepada pertumbuhan pantas industri yang berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menubuhkan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), dengan jumlah dana sebanyak RM2.1 bilion, untuk membina masyarakat modal teroka yang kukuh dan dinamik.

MAVCAP telah menyalurkan pembiayaan ekuiti kepada empat syarikat modal teroka tempatan dalam sektor ICT iaitu telekomunikasi, fotonik serta bioteknologi dan sains hayat.

MAVCAP juga telah melaksanakan beberapa program intensif untuk memajukan usahawan tekno tempatan dan mengeratkan kerjasama antara masyarakat modal teroka dan institusi penyelidikan tempatan untuk mengkomersilkan penyelidikan dan pembangunan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus berusaha bagi melonjakkan peralihan ke era ICT selaras dengan usaha untuk mencapai ekonomi baru berasaskan pengetahuan.

Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) telah berjaya membangun serta memajukan infrastruktur dan infostruktur, melaksanakan aplikasi perdana serta membina pusat multimedia bertaraf dunia untuk menarik syarikat antarabangsa menjalankan perniagaan di MSC, kata beliau.

"Jumlah jualan syarikat MSC dijangka meningkat kepada hampir RM5.7 bilion tahun ini berbanding dengan RM3.4 bilion pada 2001. Di samping itu, sejumlah 18,900 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan sehingga akhir tahun ini di mana 85 peratus adalah bagi pekerja mahir dengan 88 peratus pekerja tempatan."

Perkembangan yang menarik ialah beberapa syarikat gergasi antarabangsa telah menempatkan pusat operasi mereka untuk seluruh dunia di Cyberjaya, katanya.

Dr Mahathir berkata sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperluaskan penggunaan ICT, semua anak-anak yang baru lahir akan diberikan Mykad, yang akan menjadi dokumen pengenalan dan maklumat diri sepanjang hayat mereka.

"Program itu akan dimulakan pada 1 Jan, 2003. Ini akan mengurangkan kenehan mengisi borang semasa berurusan dengan agensi kerajaan dan juga swasta," kata beliau.

Mykad mengandungi maklumat pemegang seperti sijil kelahiran serta maklumat aplikasi awam yang diperlukan untuk berurusan dengan agensi kerajaan. Ia juga diperluaskan meliputi aplikasi ATM, tunai MEPS dan Touch 'n Go. Beberapa lagi aplikasi boleh dimasukkan dalam kad berkenaan.

Perdana Menteri berkata pelancaran nasional akan dilaksanakan supaya semua rakyat akan mempunyai MyKad pada tahun 2005.

"Memandangkan MyKad merupakan satu dokumen yang amat penting, kerajaan memutuskan untuk mengeluarkannya secara percuma untuk aplikasi kerajaan kecuali untuk pembaharuan. Oleh yang demikian tiada sebab untuk tidak

menukar kad pengenalan kepada MyKad. Rakyat Malaysia diberi tempoh untuk berbuat demikian sehingga akhir tahun 2005 untuk menukarnya."

Dr Mahathir juga berkata Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sedang melaksanakan program penyambungan bertujuan untuk menyediakan akses internet ke kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bagi mengurangkan jurang digital.

Untuk peringkat pertama, sejumlah 250 sekolah akan menerima kemudahan berkenaan yang boleh dikongsi bersama dengan masyarakat setempat. --

BERNAMA

MKO FR NHD